

Takrifan *Mal* (harta) Menurut Sarjana Asia Barat dan Implikasinya Terhadap Transaksi Masakini

Mohamad Sabri bin Haron
sabrie@ukm.my
Institut Kajian Asia Barat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

In the life of human being, property (*Mal*) cannot be avoided. As such, property is listed as one of the requirements in the context of Islamic law. In the present context and in line with the swift development of Islamic banking, discussions related to property are necessary and should to be expanded to include current products. This article tries to look at the characteristics of property as envisaged by Muslim scholars and also the current view as a benchmark that could be used to evaluate or to produce the products for the market today. Results of the study showed that definition of property is not limited to certain assets in the past, but also to anything of value determined by the current practice in the society.

Keywords: Mal, property, commitment, option.

Abstrak

Mal atau harta adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan daripada kehidupan manusia. Oleh sebab itu Mal tergolong dalam lima perkara yang menjadi kemestian (daruriy) dalam konteks *al-Maqasid al-Syar'iyah*. Dalam konteks semasa seiring dengan perkembangan pesat sistem perbankan Islam, perbincangan tentang *Mal* adalah amat penting untuk diperluaskan, dalam rangka untuk mengenal pasti kedudukan produk-produk semasa. Artikel ini cuba untuk melihat ciri-ciri *Mal* yang dimaksudkan oleh sarjana Islam silam dan juga semasa sebagai suatu penanda aras yang boleh diguna pakai bagi menilai atau menghasilkan produk yang terdapat dalam pasaran hari ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Takrifan *Mal* tidak hanya tertentu kepada beberapa jenis aset yang tertentu sahaja pada zaman silam, tetapi juga merujuk kepada suatu yang bernilai yang ditentukan oleh kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat.

Katakunci: Mal, harta, iltizam, opsyen.

Pendahuluan

Persoalan *Mal* atau harta telah lama dibincangkan oleh para ulama' dari dahulu hingga sekarang. Sekalipun terdapat perbezaan pandangan, namun banyak isu yang diketengahkan membuka ruang pemikiran atau ijtihad kepada umat Islam. Idea-idea tersebut wajar dianalisis untuk mendapatkan suatu gambaran sebenar mengenai teori *Mal* yang boleh diaplikasikan untuk keperluan produk masa kini. Kertas ini cuba melihat ciri-ciri *Mal* menerusi Takrifan para ulama yang mampu dimanfaatkan untuk dijadikan sandaran bagi mengukur produk-produk yang ada dalam perbankan Islam atau untuk menerbitkan produk-produk baru.

Takrif *Mal*

Perkataan *Mal* terdapat banyak dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang menjadi salah satu daripada dua perhiasan dunia yang disebut oleh Allah s.w.t. menerusi firmanNya yang bermaksud:

Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh Yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.

Mal menurut bahasa ialah setiap sesuatu yang dimiliki oleh individu, atau kumpulan yang terdiri daripada barangan, barangan yang dipamerkan untuk perniagaan, harta tak alih, mata wang atau haiwan. (Abu Jaib, 1988). *Mal* pada asalnya ialah sesuatu yang dimiliki daripada emas dan perak, kemudian ditentukan kepada kepada sesuatu yang dimiliki daripada aset yang nyata. Di kalangan masyarakat arab *Mal* kebanyakannya merujuk kepada unta yang banyak dimiliki oleh mereka (Syabir, 2004).

1. Takrifan *Mal* oleh Ulama' Silam

Dari segi istilah terdapat beberapa Takrifan oleh ulama' silam antaranya:

a. Mazhab Hanafi: (Abu Jaib, 1988 & al-Hasin, 1995)

- i. 'Sesuatu yang menjadi kecenderungan tabii (manusia) dan boleh disimpan sehingga waktu yang diperlukan'
- ii. 'Sesuatu yang menjadi kecenderungan kepadanya oleh tabii (manusia) sama ada digunakan atau tidak',
- iii. 'Sesuatu yang boleh dimiliki dan dimanfaatkannya dalam keadaan biasa'

Menurut Ibn `Abidin (1992) Takrifan pertama lebih utama dan Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah (Haydar, 1991) pada perkara 126 menTakrifkannya sebagai berikut: 'sesuatu yang menjadi kecenderungan tabii manusia dan boleh

disimpan sehingga waktu yang diperlukan, sama ada harta alih atau harta tak alih’.

b. Mazhab Maliki:

Imam al-Syatibiy (1975) menTakrifankan *Mal* sebagai ‘harta ialah sesuatu yang berlaku pemilikan terhadapnya dan pemilik memilikinya secara mutlak apabila diperolehi daripada orang lain yang menjadi haknya’.

c. Mazhab Shafi`e:

Menurut al-Shafi`e sebagai mana yang disebut oleh al-Suyuti (1990) ‘tidak dinamakan sebagai *mal* kecuali ke atas sesuatu yang mempunyai nilai yang dijual dengannya dan kena jamin apabila berlaku kerosakan, sekalipun sedikit dan tidak diabaikan oleh manusia, seperti *fiis* (duit syiling) dan seumpamanya’.

d. Mazhab Hanbali:

Menurut Ibn Qudamah al-Muqdisiy (1994) *Mal* ialah sesuatu yang mempunyai manfaat yang harus bukan (dengan sebab) hajat atau darurat.

Berdasarkan Takrifan-Takrifan tersebut, jelas bahawa pandangan *jumhur* (majoriti ulama’ iaitu mazhab Maliki, Shafi`e dan Hanbali) adalah lebih menyeluruh berbanding pandangan Mazhab Hanafi yang tidak memasukkan manfaat sebagai *Mal*.

2. Takrifan *Mal* oleh Ulama’ Semasa

Berasaskan kepada Takrifan *Mal* yang diberikan oleh ulama’ silam, sebahagian ulama’ semasa lebih cenderung menerima pakai Takrifan *Mal* oleh *jumhur* tersebut lalu diberinya Takrifan berikut: ‘sesuatu yang mempunyai nilai material di kalangan manusia dan harus dimanfaatkannya menurut syarak dalam keadaan biasa yang serba cukup (bukan dalam keadaan terpaksa) dan punya pilihan’ (al-`Ubadiy, 1974).

Implikasi Perbezaan Takrifan *Mal* oleh Mazhab Hanafi dan *Jumhur*

Takrifan *Mal* yang berlaku antara Mazhab Hanafi dan *jumhur* memberikan suatu perbezaan berkaitan ciri-ciri *Mal* itu sendiri yang membawa implikasi terhadap transaksi khususnya jual beli. Rumusannya adalah seperti berikut: (Syabir, 2004).

a. Ciri-ciri *Mal* menurut Mazhab Hanafi

- i. Sesuatu yang memberi manfaat mengikut uruf dan adat; yang menjadi kecenderungan terhadapnya oleh manusia menurut tabii dan tidak

merosakkan jiwa seperti bangkai, sesuatu yang fasid (rosak), atau yang membawa kemaslahatan anak Adam.

- ii. Sesuatu itu mempunyai nilai kebendaan di kalangan manusia yang boleh membawa berlakunya transaksi, penggunaan dan kekurangan.
- iii. Sesuatu itu ialah *`ayn* yang wujud secara nyata, yang mampu disimpan sehingga diperlukan. Kenyataan ini tidak menerima manfaat dan hak diletakkan dalam kategori *Mal*.

b. Ciri-ciri *Mal* menurut *jumhur*.

- i. Sesuatu itu mempunyai nilai kebendaan di kalangan manusia. Sesuatu yang tidak mempunyai nilai kebendaan seperti sebiji gandum, setitik air atau bau epal tidak dikira sebagai *Mal*.
- ii. Ia mempunyai manfaat yang tertentu.
- iii. Sesuatu yang boleh dimanfaatkan dari segi syarak dalam keadaan biasa tanpa terpaksa atau darurat. Kesemuanya ini mempunyai nilai kebendaan di kalangan manusia. Jika sebaliknya tidak dikatakan *Mal* seperti arak, babi, alat hiburan, buku ateis dan sebagainya.

Menerusi analisis ciri-ciri tersebut di atas, terdapat perbezaan yang ketara tentang *Mal* antara *jumhur* dengan Mazhab Hanafi iaitu *Mal* menurut *jumhur* termasuklah manfaat, manakala Mazhab Hanafi tidak mengiktiraf manfaat sebagai *Mal*. Oleh itu menurut *jumhur* tidak perlu dihuraikan tentang pembahagian harta sama ada *mutaqawwim* atau tidak kerana mereka menganggap sesuatu itu dikatakan sebagai *Mal* jika dapat dimanfaatkan menurut syarak. Manakala Mazhab Hanafi membezakannya sama ada *mutaqawwim* atau *ghair* (bukan) *mutaqawwim*. Harta *mutaqawwim* menurut *jumhur* ialah sesuatu yang mempunyai nilai. Menurut mazhab Hanafi *mutaqawwim* ialah sesuatu yang berada dalam pemilikan seseorang yang harus dimanfaatkan menurut syariat dalam keadaan biasa. Sebaliknya *Mal* yang *ghair mutaqawwim* ialah harta yang tidak menjadi milik sesiapa seperti burung di udara, ikan di laut. Ia boleh menjadi *mutaqawwim* apabila dimiliki seseorang dengan cara tertentu. Termasuk juga *ghair mutaqawwim* menurut Mazhab Hanafi ialah *Mal* yang haram dimanfaatkan menurut syarak seperti babi.

Faedah Pembahagian *Mal* kepada *Mutaqawwim* dan *Ghair Mutaqawwim*

Apakah faedah pembahagian *Mal* ini kepada *mutaqawwim* dan *ghair mutaqawwim*? Ia mempunyai implikasi hukum yang tersendiri seperti berikut:

- a. *Mal mutaqawwim* apabila dirosakkan oleh seseorang, maka pemiliknya berhak untuk mendapatkan ganti rugi. Sebaliknya jika *Mal* tersebut *ghair*

mutaqawwim, maka pemiliknnya tidak berhak menuntut ganti rugi. Oleh itu jika seseorang itu memusnahkan haiwan di padang pasir yang tidak ada pemiliknnya, maka tidak dikenakan ganti rugi. Begitu juga jika seseorang Islam memecahkan botol yang berisi arak milik orang Islam, tidak dikenakan ganti rugi. Bagi Mazhab Hanafi jika seseorang Islam memecahkan botol berisi arak bagi kafir zimmi, maka dikenakan ganti rugi kerana arak dikira *mutaqawwim* menurut hak kafir zimmi.

- b. *Mal mutaqawwim* adalah sah dijadikan sebagai barang (subject matter) bagi akad jual beli, hibah, ijarah dan sebagainya, sebaliknya *mal* yang *ghair mutaqawwim* adalah tidak sah untuk dilakukan akad.

Dalam konteks semasa, pembahagian *Mal* kepada *mutaqawwim* dan *ghair mutaqawwim* terdapat dalam undang-undang konvensional semasa, kecuali dari segi kategorinya sama ada dikira tergolong sebagai transaksi berbentuk *Mal* atau tidak. Undang-undang semasa pada prinsipnya mengiktiraf setiap sesuatu yang tergolong dalam transaksi berbentuk *Mal* kecuali sesuatu yang sememangnya tidak diterima secara tabiinya seperti udara, matahari, bulan dan lautan. Begitu juga sesuatu yang tidak tergolong sebagai *Mal* menurut undang-undang seperti dadah dan harta awam yang dimiliki oleh kerajaan seperti pantai dan laluan awam (Syabir, 2004).

Pembahagian ini sekurang-kurangnya memberikan suatu idea kepada sarjana-sarjana semasa dari sudut *`ayn* yang hakiki yang merupakan *Mal* yang hakiki dengan manfaat atau hak yang bersifat menumpang kepada *Mal* hakiki atau *`ayn* hakiki tersebut. Hal ini membawa implikasi bahawa *Mal* sebenar ialah *`ayn* hakiki tersebut yang boleh dijual beli, manakala manfaat atau hak tidak boleh berdiri sendiri tanpa *`ayn* yang hakiki tersebut. Oleh itu menurut golongan Hanafi, manfaat atau hak bukannya *Mal* dalam erti kata yang sebenarnya. Namun begitu jumhur ulama' bersetuju bahawa manfaat dan juga hak boleh digolongkan dalam erti kata *Mal* yang hakiki dan boleh dijual beli. Persoalannya apakah jual beli manfaat atau hak tersebut boleh distrukturkan secara terpisah dengan *`ayn* yang hakiki atau selama-lamanya mesti disandarkan (attachment) dengan *`ayn* hakiki tersebut.

Kritikan terhadap takrifan Mal oleh Syeikh Al-Zarqa'

Menurut Syeikh Mustafa Ahmad al-Zarqa' (1946), salah seorang pemikir semasa, mengkritik takrif *Mal* khususnya dalam membataskan semata-mata untuk tujuan boleh disimpan (iddikhar) bahkan bagi fuqaha' Hanafi tidak memasukkan manfaat di bawah jenis *mal* tetapi sebagai pemilikan. Menurut pandangan ini pemilikan ialah apa yang boleh dilakukan transaksi secara khusus termasuk manfaat, manakala *Mal* ialah apa yang boleh disimpan untuk manfaat ketika perlu.

Kritikan oleh al-Zarqa' ialah seperti berikut::

- a. Tabiat manusia berbeza dari segi kecenderungan dan sebaliknya dan ini tidak sesuai untuk dijadikan asas dan ukuran untuk menentukan antara *Mal* dengan bukan *Mal*. Apabila dikatakan bahawa apa yang dimaksudkan dengan tabii

yang bersifat sejahtera secara umumnya, tidak terdapat suatu had atau kadar penentuan (limitation) yang khusus.

- b. Harta terdiri daripada pelbagai jenis di antaranya ada yang tidak mungkin untuk disimpan lama seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang sudah masak sedangkan ia menjadi harta yang penting bagi manusia. Begitu juga terdapat harta yang tidak disukai atau bukan menjadi kecenderungan manusia seperti ubat yang tidak menyenangkan baunya pada hal ia amat berguna kepada manusia tetapi tidak diliputi oleh Takrifan *Mal* tersebut, melainkan apa yang dikehendaki dengan kecenderungan di sini bukannya hanya kecenderungan menurut tabiat manusia tetapi kecenderungan yang bersifat keperluan dan faedah manusia.

Dengan ini kita lihat bahawa lafaz *al-mayl* (kecenderungan) sesuai mengambil tempat *Mal* dari segi lafaz sahaja bukan dari segi kefahaman fiqh yang sebenar.

- c. Takrifan *Mal* jika tidak dikaitkannya dengan soal pemilikan, sudah pasti dengan sendirinya termasuklah ikan di air dan burung di udara sedangkan pemilikan itu penting untuk dijelaskan. Jika tidak, bagaimana mungkin untuk menyimpannya sehingga waktu yang diperlukan apabila tidak mampu untuk memperolehinya.
- d. Buah-buahan yang dimakan sebelum masak juga tidak ada kecenderungan tabii manusia terhadapnya bahkan tidak mungkin disimpan sehingga masa yang dihajati. Jika dipetik dan disimpan sebelum masanya yang sesuai sudah tentu tidak berguna.

Oleh yang demikian takrif *Mal* tersebut begitu rumit, tidak jelas dan tidak menyeluruh. Selanjutnya al-Zarqa' mengemukakan himpunan pandangan fuqaha' yang dianggap lebih menyeluruh dan merangkumi maksud *Mal* dan ciri-cirinya yang pelbagai seperti berikut:

- a. Sesungguhnya *Mal* ialah nama selain daripada manusia, yang diciptakan untuk kemaslahatan manusia dan boleh dimiliki dan bertransaksi menerusi usaha.
- b. Disimpan oleh semua manusia atau sebahagiannya.
- c. Apa sahaja yang bukan dikatakan sebagai *Mal* di kalangan manusia maka jual belinya adalah batal.
- d. *Mal* seperti yang dijelaskan oleh ahli usul ialah apa yang boleh disimpan untuk keperluan. *Mal* dalam konteks ini khusus bagi *'ayn* dan tidak termasuk pemilikan manfaat.

- e. *Mal* mestilah mempunyai kewujudan zahir (external) dan manfaat tidak boleh digolongkan ke dalam kategori *Mal* disebabkan tidak mungkin berlaku sedemikian.

Melihat kepada ciri-ciri di atas jelas bagi fuqaha' Hanafi mewajibkan *Mal* tersebut sesuatu yang bersifat *maddi* (benda), sebagaimana juga mereka tidak memasukkan hak semata-mata seperti hak mengambil *syuf'ah*, hak lalu lintas, hak aliran longkang dan sebagainya. Bahkan mereka juga tidak menganggap hutang dalam jaminan sebagai *Mal* kerana tidak boleh berlaku *qabadh* (serah terima). Oleh itu tidak diwajibkan zakat bagi hutang jika belum lagi diterima.

Berasaskan perbincangan ini menurut al-Zarqa', *Mal* terbahagi kepada dua unsur: *`ainiyyah* dan *`uruf*.

- a. *`ainiyyah* ialah sesuatu yang bersifat *maddi* (benda) yang mempunyai kewujudan luaran/zahir (external).
- b. *`uruf* iaitu mengikut kebiasaan manusia seluruhnya atau sebahagiannya melibatkan pembiayaan dan penjagaannya yang berlaku padanya *bazl wa man`u* (penggunaan atau sebaliknya). Apa yang tidak berlaku sedemikian di kalangan manusia tidak dianggap sebagai *Mal* sekalipun *`ayn* tersebut bersifat *maddi* (benda) seperti manusia yang merdeka, satu biji gandum, segenggam tanah dan sebagainya. Begitu juga yang tidak melibatkan pembiayaan dan penjagaannya di mana tidak berlaku *bazl wa man`u* bahkan bukan *`ayn maddi* (benda), maka perkara ini tidak dikatakan sebagai *Mal* tetapi dikategorikan sebagai pemilikan atau hak seperti manfaat, hak semata-mata dan hutang.

Selain daripada itu juga unsur *`uruf* mestilah mempunyai nilai, di mana kebiasaan manusia tidaklah memelihara sesuatu kecuali dengan adanya manfaat *maddiyyah* atau *ma'nawiyyah* yang tertentu dari sudut minat atau kecenderungan. Inilah nilai *maddiyyah* dengan makna ekonomi secara amnya.

Seterusnya al-Zarqa' menTakrifkan *Mal* menurut pandangan fuqaha' Hanafi sebagai setiap *`ayn* yang mempunyai nilai *maddiyyah* (kebendaan) di kalangan manusia. Bila disebut *`ayn* maka tidak termasuk manfaat dan hak semata-mata kerana perkara ini dikira sebagai pemilikan bukannya *Mal*. Begitu juga bila disebut 'nilai kebendaan' tidak termasuk *`ayn* yang tidak ada nilai di sisi manusia seperti sebiji gandum dan sebagainya.

Walau bagaimanapun dalam perbincangan mengenai *`ayn* dan manfaat, al-Zarqa' menjelaskan bahawa teori ijtihad al-Syafe'i dan Hanbali yang mengaitkan manfaat sebagai *Mal*, adalah lebih kemas dan lebih kukuh serta selaras dengan hikmat perundangan Islam dan masalah bagi pelaksanaan dan pemeliharaan hak berbanding dengan fuqaha' Hanafi.

Ciri-ciri *Mal* Menurut Dr Nazih Hammad

Dr. Nazih Kamal Hammad (2006) seorang sarjana kontemporari ketika membahaskan tentang *ba`i iltizam* cuba menganalisis pandangan-pandangan ulama' silam untuk disesuaikan dengan situasi yang terdapat dalam pasaran kewangan masa kini. Ciri-ciri *Mal* menurutnya ialah:

a. Ciri Pertama: *Mal* mestilah mempunyai manfaat yang tertentu

Dalam situasi semasa, manfaat yang dimaksudkan tersebut wujud kepada pihak pembeli apabila ia memerlukan kepada sejumlah mata wang yang diperlukan. Bagi mengelakkan daripada risiko kerugian yang boleh berlaku, disebabkan oleh perubahan turun naik harga mata wang dalam pasaran antarabangsa yang melibatkan para pedagang, maka dilakukan *hedging* (lindung nilai). Tindakan ini penting dilakukan oleh pedagang yang mengimport barangan dan keperluan asas yang diperlukan bagi perusahaan mereka secara berjadual dengan pembayaran secara ansuran menerusi mata wang asing. Menerusi cara ini sekurang-kurangnya dapat meminimalkan risiko kerugian akibat turun naik harga mata wang dalam pasaran antarabangsa. Contohnya seseorang pengimport barangan alat ganti kenderaan yang terpaksa melakukan *iltizam* melakukan *hedging* dengan membeli mata wang dolar Amerika bagi mengimbangi kedudukan kewangannya dengan pasaran ringgit. Berasaskan penjelasan Nazih Hammad, jual beli tersebut akan berlaku pada masa yang akan ditentukan dengan harga yang diputuskan bersama. Dalam Islam, kontrak jual beli jika berkaitan dengan masa depan tidak dianggap sebagai kontrak tetapi dibenarkan melakukan janji (promise) untuk membeli pada masa yang ditentukan.

b. Ciri Kedua: Manfaat mestilah *mutaqawwim*

Untuk ditentukan bahawa sesuatu itu adalah bermanfaat mestilah ia mempunyai nilai pada pandangan `uruf manusia dalam satu-satu masa. Jika sesuatu perkara itu mengikut `urufnya menepati ciri-ciri *Mal*, maka boleh dikira sebagai *Mal*, sekalipun pada zaman sebelumnya tidak dikategorikan sebagai *Mal*. Perkara ini selaras dengan kaedah (لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان) sebagai mana yang terdapat dalam kaedah fiqh dan usul syariah. Nazih Hammad menukilkan pandangan al-Qarafi yang tidak mengharuskan pertukaran ke atas *al-dhaman*. Hukum yang tidak mengharuskan pertukaran (mu`awadhah) ini disebabkan oleh `uruf yang ada pada masa al-Qarafi tidak mengiktirafnya sebagai manfaat yang mempunyai nilai (*mutaqawwim*).

Sebaliknya dalam situasi semasa menurut Nazih Hammad, *dhaman* ini mempunyai nilai *Mal* menurut `uruf perniagaan semasa. (*dhaman* dalam konteks ini menurut Nazh Hammad tergolong dalam *iltizam Mal* yang berada dalam zimmah (tanggungjawab) seseorang).

c. Ciri ketiga: Manfaat mestilah memenuhi tuntutan syariat

Dalam hal ini menurut Nazih Hammad maksud daripada transaksi jual beli itu mesti diambil kira. Seandainya tujuan spekulasi untuk semata-mata memperolehi untung berdasarkan perbezaan harga yang berlaku dalam pasaran tanpa berlaku pemilikan secara hakiki, maka tidak dikira memenuhi tuntutan syariat. Dalam hal ini, manfaat yang dimaksudkan menerusi jual beli ini-jika berlaku-adalah tidak memenuhi tuntutan syariat kerana ia suatu pertaruhan daripada kategori *maisir* dan *qimar* (judi) yang menafikan sifat *mal* dalam *iltizam* tersebut. Beliau juga merujuk kepada keputusan Majma' al-Fiqh al-Islamiy di Jeddah perkara 63 (7/1) yang menjelaskan bahawa kontrak opsyen adalah tidak diharuskan oleh syariat.

Beliau turut menukulkan pandangan Ibnu Qayyim (1384H) yang mengatakan:

“Sesungguhnya maksud yang disyariatkan oleh Allah Ta'ala ialah jual beli dan dihalalkanNya di atas tujuan tersebut, iaitu penjual berhasil mendapat bayaran harga dan pembeli berhasil mendapatkan barangan. Setiap daripada keduanya berhasil memperolehi maksud bagi jual beli iaitu mendapat manfaat dengan harga yang dibayar, manakala pihak satu lagi memperolehi barangan. Ini berlaku apabila pembeli bermaksudkan untuk memperolehi barangan untuk dimanfaatkan dengannya atau diperniagakan, manakala penjual pula bermaksudkan untuk memperolehi harga...apabila terhasil maksud bagi setiap keduanya, maka terhasillah maksud bagi sesuatu sebab yang disyariatkan oleh Allah, dan didatangkan sesuatu sebab itu hakikat dan hukum... dan sesuatu akad apabila dimaksudkan dengannya ialah pembubaran (fasakh), maka bukan lagi (jual beli) menjadi maksud sebenar, dan jika ia bukan lagi menjadi maksud, maka wujudnya (sama) seperti tiadanya, maka sia-sia sahaja”

Mengenai jual beli mata wang dalam konteks *hedging* (lindung nilai) yang dibincangkan, Nazih Hammad berpendapat hal ini disyariatkan kerana maksud yang terhasil daripada kontrak tersebut adalah disyariatkan. Ia akan menepati syariat apabila pihak-pihak yang telah berjanji tersebut menunaikan janji mereka, iaitu dengan melakukan kontrak jual beli pada masa yang ditetapkan dan harga yang telah diputuskan sebagaimana janji yang telah diputuskan. Walau bagaimanapun menurutnya, tujuan spekulasi bukanlah tergolong dalam jual beli *iltizam* kerana tidak berlaku pemilikan hakiki seolah-olah simbolik sahaja. Oleh yang demikian opsyen dikatakan tidak menepati syariat kerana ia bukannya harta, tidak ada manfaat dan juga bukan hak yang bersifat harta (haq maliy).

Namun begitu jika kita melihat perkara ini dengan teliti, isu sama ada seseorang itu dianggap sebagai spekulator atau pedagang sebenar bergantung kepada niat seseorang pedagang atau pelabur. Dalam jual beli mata wang juga sama keadaannya iaitu jika seseorang itu membeli mata wang bagi tujuan spekulasi, maka dia bukan pedagang sebenar. Mungkin bagi Nazih Hammad opsyen adalah suatu wasilah yang digunakan untuk tujuan spekulasi dan tidak boleh dikategorikan dalam kategori *Mal* yang sebenar. Walau bagaimanapun, isu sebenar di sini ialah adakah asas sesuatu yang

dikontrakkan (*subject matter*) pada hakikatnya boleh dikategorikan sebagai *Mal* atau tidak menurut perspektif Islam? Perkara ini tidak wajar dikaitkan dengan niat atau tujuan seseorang sama ada spekulasi atau tidak. Seandainya sesuatu itu memenuhi ciri sebagai *Mal* menurut syariat, maka soal spekulasi itu adalah isu yang melibatkan tindakan seseorang kerana apa yang jelas ialah perkara yang zahir sahaja.

Ciri *Mal* Dalam Produk Semasa

Adakah produk semasa memenuhi ciri *Mal*? Perkembangan produk semasa agak kompleks dan memerlukan suatu ijtihad semasa, sama ada benar-benar boleh dikategorikan sebagai *Mal* atau tidak. Pandangan golongan Hanafi memberikan suatu pemikiran bagi kategori *Mal* sama ada ia bersifat *`ayn* semata-mata atau manfaat atau hak yang mesti bersandarkan kepada *`ayn*. Isu yang bersifat semasa ialah apakah boleh seandainya manfaat itu diwujudkan oleh *`uruf* sebagai suatu produk secara berasingan tanpa dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan *`ayn* yang nyata?

Contohnya kad Touch 'n Go. Seseorang yang membeli kad tersebut ada kaitannya dengan penggunaan tol, stesyen komuter dan sebagainya. Sekalipun seseorang yang membeli kad tersebut tidak berhajat untuk menggunakannya tetapi untuk menjual semula kepada orang lain dengan keuntungan tertentu, *`uruf* masyarakat memahami fungsi sebenar kad tersebut disandarkan kepada penggunaan manfaat yang jelas boleh digunakan (*exercise*) apabila perlu. Begitu juga jika seseorang membayar sekeping kad ahli yang berharga RM10 yang boleh digunakan selama setahun untuk membeli buku-buku di kedai buku tertentu dengan potongan harga 10 % . Dalam situasi ini, biasanya masyarakat tidak mempertikaikan jual beli kad seperti itu walaupun ia dianggap sebagai produk baru.

Situasi masa kini yang lebih kompleks mencipta produk yang lebih kompleks. Jika ada suatu produk baru yang dijual oleh sesebuah institusi yang fungsinya hanya bersandarkan kepada manfaat untuk mencari keuntungan, apakah perkara ini dibolehkan? Ini memerlukan suatu ijtihad baru. Contohnya berkaitan dengan opsyen tadi. Apabila seseorang itu membeli opsyen, dia berhak mendapat produk yang dikehendakinya dengan harga yang ditawarkan oleh penerbit dalam tempoh yang tertentu. Jika produk tersebut jelas seperti saham misalnya, maka kaitannya adalah jelas iaitu saham. Dalam hal ini opsyen yang terlibat ialah opsyen saham. Opsyen tersebut jika nilainya 10 % daripada saham, maka dia mesti membayar dengan kadar 10 % sahaja daripada harga saham. Seseorang yang memiliki opsyen saham tersebut, dia boleh menjualkannya kepada orang lain pula. Situasi ini menjelaskan bahawa opsyen itu sendiri seolah-olah menjadi *mahl`aqd* (*subject matter*) secara langsung bahkan mempunyai nilai *Mal* tersendiri tambahan pula nilainya pula berubah mengikut naik turun dalam pasaran. Seseorang yang memegang opsyen saham tersebut sekiranya nilai saham bertambah semasa dalam pegangannya, dia mesti pula tambah (*top up*) sehingga mencukupi nilai 10 % bagi pegangannya. Dari satu sudut ia dilihat semacam *urbun* tetapi opsyen ini boleh dijual beli dalam pasaran dan terikut situasi naik turun pasaran. Disebabkan harganya boleh berubah apakah dia dikatakan *gharar*? Nazih Hammad melihat produk ini sebagai suatu bentuk perjudian dan bersetuju dengan pandangan *Majma' fiqh* yang tidak mengharuskannya.

Mengenai opsyen saham tersebut, terdapat suatu kaitan yang jelas antara opsyen dengan saham. Jual beli saham adalah diharuskan dalam Islam tetapi apakah hukumnya apabila membeli 10 % daripada saham yang dikeluarkan atas nama opsyen (sekiranya penerbit menetapkan harga opsyen ialah 10 % daripada harga saham), oleh penerbit dalam tempoh tertentu sebagai suatu *iltizam* untuk membeli yang selebihnya nanti. Uniknyanya opsyen ini mempunyai nilainya tersendiri dan boleh dijual beli. Namun situasi dalam pasaran lebih kompleks lagi apabila penerbit mengeluarkan opsyen indeks. Indeks ialah petunjuk kepada prestasi sejumlah syarikat saham tertentu dalam bentuk mata. Mata ini boleh berubah menurut prestasi syarikat-syarikat saham tersebut. Mata-mata tersebut mempunyai nilainya tersendiri. Apabila opsyen indeks ini dijual apakah hukumnya menurut Islam? Ini satu lagi bentuk ijtihad yang wajar diberikan hukum dalam transaksi semasa. Sebagaimana opsyen saham, opsyen itu sendiri adalah produk yang terpisah daripada induknya iaitu indeks itu sendiri tetapi boleh dijual beli. Apabila sampai tempohnya, indeks itu sendiri tidak boleh diserahkan. Apa yang diserahkan sebagai gantinya hanyalah perbezaan harga dengan sebab perubahan mata indeks. Inilah sebahagian daripada produk rumit yang ada dalam pasaran tetapi wajar diberi hukumnya oleh sarjana Islam semasa sama ada ia diharuskan atau tidak.

Melihat kepada ciri-ciri *Mal* yang disebut oleh Nazih Hammad tersebut, kita dapat membuat kesimpulan bahawa sesuatu perkara itu dikatakan sebagai *Mal* menurut syariat apabila ia bernilai (*mutaqawwim*) menurut `uruf. `uruf yang kita fahami di sini ialah `uruf masyarakat Islam berdasarkan hadis *al-muslimun `ala syurutihim* (orang-orang Islam berasaskan kepada syarat yang dipersetujui mereka). Apakah dalam hal ini `uruf masyarakat Islam membenarkan perniagaan seperti ini?

Isu bai' al Iltizam

Apakah *iltizam* boleh dijual beli? Dalam jual beli *iltizam*, Nazih Hammad melihat pentingnya soal *iltizam* ini diberi penekanan dan boleh berlaku jual beli *iltizam* khususnya dalam contoh *hedging* (lindung nilai) yang diberikan. Beliau banyak memberikan sandaran hujah-hujah antaranya menukilkan daripada kitab *al-Mudawwanah al-Kubra* (1994) terdapat riwayat daripada Ibnu Juraij bahawa Ibnu Syihab telah mengisahkan tentang Saidina Uthman dan `Abdul Rahman bin `Auf yang terkenal di kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang banyak berjihad dalam urusan jual beli. Lantaran itu orang ramai berharap agar keduanya saling berjual beli antara satu sama lain untuk melihat manakah yang lebih hebat ijtihadnya. Lalu `Abdul Rahman membeli dengan cara menempah seekor kuda (kuda masih belum ada pada masa itu) daripada `Uthman dengan harga 12,000 dirham. `Abdul Rahman berkata kepada `Uthman bolehkah aku tambahkan lagi 4,000 dinar lagi (iaitu bayaran membeli *iltizam* secara berasingan tanpa melibatkan harga kuda) dan kuda itu berada di bawah jagaan kamu sehingga utusanku datang mengambilnya (*qabadh*). `Uthman berkata: ya. Lalu diberinya oleh `Abdul Rahman sebanyak 4,000 dinar, tetapi kuda itu kemudiannya mati sebelum sempat utusan `Abdul Rahman bin `Auf tiba untuk mendapatkannya. Orang ramai mengetahui bahawa `Abdul Rahman lebih hebat daripada `Uthman. Yunus meriwayatkan daripada Ibn Syihab tentang hal ini dengan mengatakan bahawa dia (`Abdul Rahman) mendapati kuda telah mati dan tanggungan adalah daripada pihak penjual¹.

Nazih Hammad telah mengulas mengenai hal ini di mana jelas menerusi keterangan ini membuktikan bahawa `Uthman telah menjual kepada `Abdul Rahman bin `Auf suatu *iltizam* yang berharga 4,000 dinar (sebagai jaminan terhadap kuda tersebut). `Abdul Rahman telah membeli *iltizam* tersebut di mana apabila kuda tersebut telah mati, maka tanggungan tersebut masih kekal di tangan penjual (`Uthman). Menerusi *iltizam* ini, `Abdul Rahman berhak mendapatkan kuda tersebut dan `Uthman mesti menggantikannya semula kepada `Abdul Rahman bin Auf. Tidak ada orang pada masa itu yang menyangkal tentang perkara ini sehingga boleh dikira sebagai *ijma` sukuti*.ⁱⁱ

Persoalannya bolehkah *iltizam* seperti ini dianggap suatu produk yang khusus. Jika dianggap hal ini sebagai jual beli, sememangnya perbuatan `uthman menjual *iltizam* kepada `Abdul Rahman dengan harganya 4,000 dinar tersebut boleh dikategorikan sebagai jual beli. Seandainya produk *iltizam* ini distrukturkan sebagai suatu produk yang tersendiri, apakah produk tersebut boleh dijual pula kepada orang lain? Sebagai contoh, seandainya `Abdul Rahman tiba-tiba tidak jadi untuk mendapatkan kuda tersebut, lalu menjualkannya '*iltizam*' tersebut kepada `Ali dengan harga 3,500 dinar. Oleh kerana `Ali sememangnya ingin membeli seekor kuda, maka `Ali bersetuju untuk membeli '*iltizam*' tersebut dan kuda yang akan diperolehinya juga sudah tentu akan terjamin. Oleh itu `Ali terpaksa membayar 12,000 untuk mendapatkan kuda tersebut pada hari yang ditentukan oleh `Uthman tetapi sebelum itu bayaran '*iltizam*' sebanyak 3,500 dinar tadi mesti dijelaskan terlebih dahulu kepada `Abdul Rahman.

Apakah boleh berlaku transaksi seperti ini dalam konteks semasa menurut Islam? Hal ini wajar dilihat oleh para sarjana Islam secara serius. Dalam pasaran semasa, hal ini ada miripnya dengan opsyen. Walau bagaimanapun menurut Nazih Hammad hal ini tidak diharuskan kepada opsyen dengan hujah spekulasi yang disebutkan. Jika kita kembali kepada contoh kad *touch n go* dan juga kad ahli tadi, sudah pasti kita boleh menjualnya pula kepada orang lain.

Iltizam dan Haq Syakhsi Menurut Sheikh al-Zarqa'

Syeikh al-Zarqa' (1946) meletakkan *iltizam* ini sama dengan *haq syakhsi*. *Haq syakhsi* ialah tuntutan yang diperakui oleh syarak bagi seseorang kepada seseorang yang lain. *Haq syakhsi* ini menurut pakar undang-undang disebut sebagai *iltizam*. Oleh itu *iltizam* dan *haq syakhsi* adalah merujuk kepada perkara yang sama. Ia disebut sebagai *haq* apabila dilihat dari sudut pihak yang menuntut, manakala disebut sebagai *iltizam* dari sudut pihak yang wajib bertanggungjawab di atas tuntutan tersebut. Oleh itu bila dikaitkan dengan jual beli *iltizam*, hakikatnya ialah berkaitan dengan jual beli hak. Mengenai *mahal al-iltizam* (perkara yang menjadi fokus kepada *iltizam*) al-Zarqa' membahagikannya kepada dua iaitu *ma' lum* (dikenal pasti) dan juga *qimah* (nilai) *iltizam* tersebut.

i. Dikenal pasti:

Mahl (subject matter) *iltizam* itu dalam banyak hal mestilah dikenal pasti sejak bermulanya *iltizam*. Gagal mengenal pasti *mahl* bagi *iltizam* bagi sesuatu

kontrak mengakibatkan *fasid* atau batal. Bagi ijthad Hanafi jual beli sesuatu yang *majhul* (tidak diketahui) atau *ijarahnya majhul* adalah *fasid* kerana membawa kepada perselisihan. Maka bagi Shafe'i dan lain-lain hal ini membatalkan kontrak.

Apa yang dimaksudkan sebagai 'dalam banyak hal' ialah kerana fuqaha' Hanafi mengharuskan sebahagian *iltizam* yang *mahlnya* pada peringkat awal adalah *majhul* tetapi dapat dikenal pasti ketika kontrak. Oleh itu dalam *kafalah* mereka mengharuskannya bahkan sah apabila seseorang menjamin sesuatu yang akan wujud daripada *dayn* (hutang) kemudiannya. Mereka juga mengharuskan jika dalam akad nikah, mas kahwin tersebut adalah *majhul* dan diwajibkan *mahar mithl* kerana *Mal* bukanlah maksud asasi dalam nikah.

ii *Qimah mahl al-iltizam*

Adakah seharusnya *mahl iltizam* mempunyai *qimah* (nilai)? Bagi *al-multzim lahu* (tuan punya hak) mestilah *mahal iltizam* itu mempunyai nilai *Mal*, kerana tidak ada manfaatnya sekiranya *iltizam* tersebut tidak ada kena mengena dengannya, bahkan tidak mendatangkan hasil seperti *iltizam* pihak *multazim* untuk tidak berjalan pada masa-masa tertentu, berjaga malam dan sebagainya.

Oleh yang demikian *iltizam* tersebut mestilah mempunyai nilai *Mal*. Di dalam jual beli fuqaha' mensyaratkan bahawa bahawa *ma`qud `alaih* (barang yang dijual beli) mestilah *Mal mutaqaawwim* iaitu harta yang harus dimanfaatkan menurut syariat, maka tidak termasuk harta yang boleh dimanfaatkan dari segi syariat seperti arak dan khinzir.

Walau bagaimanapun kita dapati *iltizam* dalam situasi tertentu kadangkala mempunyai *qimah adabiyyah* (nilai intelektual).

Penentuan *Mal* oleh Uruf

Menurut Syeikh Mustafa Ahmad al-Zarqa' (1946) bahawa terdapat hak yang tidak tergolong sebagai *`ayn* tetapi dimasukkan ke dalam kategori *huquq al-adabiyah* seperti hak cipta, hak karya dan setiap produk hasil reka cipta seni dan perusahaan. Namun beliau bersetuju menggunakan istilah *hak ibtikar* (hak intelek) kerana lebih menyeluruh. Al-Duraini (1994) melihat kesesuaian penggunaan hak *ibtikar* ini kerana gambarannya lebih menyeluruh sebagai suatu produk yang dihasilkan oleh manusia hasil kepakaran akalanya. Beliau juga turut mengulas pandangan golongan Hanafi di mana golongan yang terkemudian telah berbeza pendapat dengan golongan terdahulu mengenai Takrifan *Mal*. Takrifan *Mal* menurut golongan Hanafi yang terkemudian menetapkan *Mal* kepada sesuatu yang bernilai. Oleh itu sesuatu yang bernilai menurut `uruf ialah *Mal*.

Muhammad `Uthman Syabir (2001) memasukkan *hak ibtikar* dalam kategori hak maknawi tetapi akhirnya beliau bersetuju dengan penggunaan perkataan *hak ibtikar* seperti yang diberikan Takrifannya oleh al-Duraini. Zaharuddin (2009) menimbulkan persoalan

apakah hak maknawi ini digolongkan sebagai hak pemilikan? Menurut ahli-ahli perundangan telah berselisih mengenai kedudukan hak maknawi ini. Sebahagiannya berpendapat hak maknawi tidak termasuk dalam jenis hak tetapi tersirat di sebaliknya hak `ainiy (sesuatu yang ketara) kerana hak `ainiy bersifat *maddiy* (benda yang nyata) atau maknawi. Sebahagian yang lain berpendapat hak *maliy* (hak bagi harta) mengandungi hak `ainiy, hak *syakshi* (atau *iltizam*) dan hak maknawi, hanya mereka berselisih pandangan adakah ia sebenarnya hak pemilikan atau bukan. Di akhir perbahasannya Zaharudin lebih cenderung berpandangan bahawa hak maknawi merupakan suatu gambaran tertentu berkaitan pemilikan dengan sebab ciri-ciri pemilikan wujud dalam kategori hak pemilikan. Walau bagaimanapun sekalipun pemilikan ini dikategorikan sebagai *mal* yang bukan bersifat nyata (intangible asset) tetapi tetap dinamakan sebagai *Mal* kerana ia mempunyai nilai di kalangan manusia dan harus dimanfaatkan menurut syariat mengikut tabiinya. Beliau juga mendatangkan dalil-dalil yang menguatkan hujahnya daripada al-Qur'an, al-Sunnah, al-Qiyas dan `uruf untuk mengkategorikan bahawa hak maknawi ini juga ialah *Mal*.

Mengenai hak maknawi ini, Majma' al-Fiqh al-Islamiy (1988) telah membuat suatu ketetapan bahawa:

- i. *Nama perniagaan, alamat perniagaan, tanda perniagaan, karya dan rekacipta, atau ibtikar adalah hak-hak yang khas bagi pemiliknya yang dijadikannya menurut `uruf semasa sebagai sesuatu yang mempunyai nilai Mal yang diiktiraf untuk menjana kewangan kepada manusia. Hak-hak ini diiktiraf oleh syarak dan dilarang pencerobohan ke atasnya.*
- ii. *Harus bertransaksi di atas nama perniagaan atau alamat perniagaan atau tanda perniagaan dan menggunakan salah satu daripadanya dengan gantian (bayaran) Mal apabila tidak wujud gharar, tipu dan khianat dengan sebab ia adalah hak Mal.*
- iii. *Hak karya dan rekacipta adalah terpelihara dari segi syarak dan bagi pemiliknya mempunyai hak transaksi dan dilarang pencerobohan ke atasnya.*

Dalam menghubungkan kaitkan hak maknawi ini dengan maksud-maksud syariah, Zaharudin (2009) menjelaskan terdapat empat maksud yang mesti diberi perhatian:

- i. Seperti mana kedudukan *Mal* yang lain iaitu bermanfaat dan diharuskan dari segi syariat, maka apabila kategorikan sebagai *Mal*, ia mesti dipelihara daripada musnah atau hilang.
- ii. Hak pemiliknya dapat dipelihara dan dijamin keadilannya. Oleh itu hak pemiliknya tidak boleh dicabuli oleh orang lain yang mengakibatkan pemiliknya mengalami kerugian. Jika ini berlaku maka dikira sebagai suatu kezaliman dan memakan harta orang lain secara batil.

- iii. Menggalakkan kerja dan reka cipta yang berguna serta menghapus sikap malas. Islam mencela sikap malas dan menggesa umatnya melahirkan masalah dunia dan akhirat. Kewujudan hak maknawi sebagai salah satu daripada *Mal* adalah sebagai galakan kepada muslim untuk bekerja kuat dan sentiasa tekun berusaha melahirkan reka cipta yang baru untuk manfaat manusia seluruhnya. Dalam pada itu Islam mendidik manusia agar tidak bersikap malas malah berusaha memperolehi keuntungan tanpa malas dan suka berehat.
- iv. Menegah tipu daya dalam masyarakat. Dalam urusan jual beli dan mencari kehidupan, Islam melarang tipu daya berleluasa dalam masyarakat. Jika tidak maka sudah tentu sifat tercela ini akan menjalar di kalangan anggota masyarakat. Hal ini sudah tentu mengancam kestabilan masyarakat.

Kesan Hukum Yang Lahir Daripada Hak Maknawi

Kesan hukum yang wujud hasil daripada perbincangan mengenai *Mal* ini, didapati hak maknawi juga seperti mana yang dinyatakan oleh Majma' al-Fiqh al-Islamiy menunjukkan bahawa ia adalah juga *Mal*. *Mal* ini adalah terpelihara dari segi syarak dan tidak boleh dicerobohi oleh sesiapa. Hak maknawi ini termasuklah produk yang dipatenkan, hasil reka cipta seseorang, tanda perniagaan dan sebagainya yang jelas bentuknya dengan syarat ia terhindar daripada *gharar* dan tipu daya. Bagaimana pula dengan isu penjualan hak maknawi ini termasuk jual beli 'produk' *iltizam* kepada orang lain atau pihak lain? Menurut al-Duraini (1994) -ketika membahaskan sejauh mana hak *ibtikar* boleh bertukar ganti, boleh diwarisi dan boleh diwasiatkan- menjelaskan apabila dikategorikannya sebagai *Mal* iaitu membawa manfaat dan mempunyai nilai dari segi urufnya, maka ia adalah hak *'ayn* yang bersifat *Mal* (haq *'ainiy* maliy). Oleh yang demikian hak seperti ini boleh ditukar ganti (dijual beli). Ini berbeza dengan hak *'ayn* yang bukan bersifat *Mal* (haq *'ainiy* ghair maliy) seperti hak *hadhanah* (penyusuan bayi) kerana ia mempunyai hubungan langsung antara bayi dan orang yang menyusukannya dan ia bukannya *Mal*, tambahan pula haknya tidak boleh dipisahkan.

Kesimpulan

Menerusi perbincangan di atas, Takrifan *Mal* di kalangan sarjana Islam silam mempunyai suatu dimensi pemikiran yang cukup luas. Pemikiran-pemikiran yang kreatif seperti ini telah membawa suatu idea kepada sarjana Islam kontemporari untuk melihat hukum terhadap penghasilan produk-produk baru yang sentiasa berkembang. Sekalipun produk-produk baru sentiasa berkembang, namun inti kepada segala permasalahan baru untuk keperluan ijtihad tersebut telah diasaskan oleh sarjana-sarjana silam. Gagasan pemikiran tersebut terus digali oleh para sarjana Islam semasa untuk menentukan kedudukan kepada masalah yang baru yang sentiasa wujud dalam masyarakat. Dalam konteks perbankan Islam hari ini terdapat pelbagai produk baru yang biasanya dihasilkan menerusi sistem konvensional. Produk-produk baru apakah boleh dikatakan sebagai aset atau *Mal* dengan kelasnya tersendiri atau sebagai suatu mekanisme yang digunakan untuk tujuan spekulasi? Produk seperti ini wajar dinilai untuk ditentukan hukumnya menurut perspektif Islam. Lahir beberapa pandangan seperti *bai' al-*

iltizam untuk mengukur bagaimana kedudukan *hedging* (lindung nilai) dari segi syariat. Begitu juga produk opsyen juga sebenarnya digunakan oleh pelabur sebagai langkah mengawal kerugian. Walaupun produk-produk ini boleh digunakan oleh spekulator untuk tujuan spekulasi, namun persoalan niat yang bersifat dalaman adalah masalah manusia itu sendiri. Apa yang wajar dilihat ialah persoalan zahir iaitu adakah produk semasa seperti ini boleh dikategorikan sebagai *Mal* menurut syariat atau tidak. Seandainya wujud dengan jelas menerusi produk ini perkara-perkara yang *gharar* (uncertainty) dan tipu daya, maka kedudukannya pada masa itu tidak lagi dikatakan sebagai *Mal* dari segi `uruf.

Rujukan

- Abu Jaib, Sa`diy. 1988M/1408H. *al-Qamus al-fiqhiy lughatan wa istilahan*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Duraini, Muhammad Fathi. 1994M/1414H. *Buhuth muqaranah fi al-fiqh al-Islamiy wa usuluh*. Juz 2. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Husain, Sulaiman bin Ibrahim. 1995M/1415H. *al-Mal fi al-Qur'an al-Karim*. Riyadh: Dar al-Mi`raj al-Dauliyyah Li al-Nasyr.
- Al-Suyutiy, Jalal al-Din Abd al-Rahman. 1990H/1411H. *al-Asybah wa al-nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Syatibiy, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa, 1975M/1395H. *al-Muwafaqat fi usul al-syari`ah*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Al-`Ubadiy, `Abd al-Salam Daud. 1974M/1393H. *al-Milkiyyah fi al-syari`ah al-Islamiyyah*. `Amman: Maktabah al-Aqsa.
- Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1946M/1365H. *al-Madkhal al-fiqh al-`am*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Haydar, Ali. 1991M/1411H. *Durar al-hukkam syarh majallah al-ahkam*. Terj: Fahmi al-Husaini. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn `Abidin, Muhammad Amin Afandiy. 1992M/1412H. *Hasyiyah rad al-muhtar `ala dur al-mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Syabir, Muhammad Uthman. 2004. *al-Madkhal fiqh al-mu`amalat al-maliyyah*. Dar al-Nafais: `Amman
- Syabir, Muhammad Uthman. 2001. *al-Muamalat al-maliyyah al-mu`asirah*. Dar al-Nafais: `Amman

Hammad, Nazih Kamal. 2006M/1427H. al-Mu`awadhat `an al-iltizam bi al-sarf al-`umlat fi al-mustaqbal (Hedging), dalam *Majallah al-buhuth al-fiqhiyyah*.

Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah. 1384H. *I`lam al-muwaqqi`in `an Rab al-`Alamin*. Misr: Matba`ah al-Sa`adah.

Malik bin Anas. Cet. 1. 1994M/1415H. *al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-`ilmiyyah.

Majallah Majma` al-Fiqh al-Islamiy. 1988M/1409H. Kali ke-5, Bil. Ke-5. Jeddah: Munazzomah al-Mu`tamar al-Islamiy.

Mohamad Sabri Haron. 1999. *Ahkam al-aswaq al-maliyyah*. `Amman: Dar al-nafais.

Zaharuddin bin `Abdul Rahman. 2009. *Maqasid al-syariah fi ahkam al-buyu`*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

About the Author

Dr. Mohamad Sabri bin Haron is an associate professor at the School of General Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, and is on secondment to the Islamic Capital Market, Securities Commission of Malaysia as a senior manager. He is also an associate fellow at the Institute of West Asian Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: sabrie@ukm.my; sabridr@seccom.com.my
